



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



BANTUAN PASCA BANJIR TEKUN 2021



Apakah yang dimaksudkan moratorium di bawah Bantuan Pasca Banjir TEKUN?

- Ia adalah moratorium selama 6 bulan (Disember 2021 hingga Mei 2022) kepada usahawan yang terlibat dengan bencana banjir (premis perniagaan atau rumah kediaman) yang mengakibatkan peminjam menghadapi kesukaran untuk menjelaskan bayaran balik pembiayaan.



Apakah kriteria kelayakan moratorium ini dan bilakah bermulanya moratorium ini?

- Moratorium ini boleh dimohon oleh usahawan yang masih dalam tempoh pembiayaan semasa berlakunya bencana banjir. Moratorium akan diberikan bermula Disember 2021 dan berakhir pada Mei 2022.

@tekunnasional



LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.

DKN
2030
Dasar Keusahawanan Nasional
Negara Keusahawanan Unggul 2030



Saya telah mendapat moratorium bayaran balik kerana perniagaan terjejas akibat pandemik COVID-19 selama 6 bulan dari Jun 2021 – November 2021. Pada Disember 2021, premis perniagaan saya terlibat dengan banjir. Bolehkah saya memohon moratorium di bawah Bantuan Pasca Banjir ini dan sehingga bila moratorium ini akan berakhir?

- **Anda layak memohon moratorium di bawah Bantuan Pasca Banjir ini. Semua moratorium akan berakhir Mei 2022.**

Jika saya mempunyai tunggakan pembayaran melebihi 6 bulan, adakah saya masih layak mendapat moratorium?

- **Anda layak mendapat moratorium selama 3 bulan dengan syarat pembayaran perlu dijadualkan semula (jika belum pernah dijadualkan semula).**

Apakah yang perlu dilakukan oleh usahawan untuk mendapatkan moratorium ini?

- **Usahawan perlu menghubungi Pejabat TEKUN Cawangan. TEKUN tidak melantik mana-mana agen atau pihak ketiga untuk proses moratorium ini.**

Bolehkah saya memohon moratorium ini bersekali dengan penjadualan semula pembayaran?

- **Anda boleh memohon moratorium ini bersekali dengan penjadualan semula pembayaran. Walau bagaimanapun, usahawan yang telah menjadualkan semula pembayaran menerusi PS 2.0 tidak boleh menjadualkan lagi pembayaran mereka. Sila rujuk Pejabat Cawangan untuk semakan / maklumat lanjut.**

Adakah semua produk pembiayaan TEKUN boleh memohon moratorium ini?

- Semua produk pembiayaan layak memohon KECUALI produk Kontrak-i.

Bolehkah saya meneruskan pembayaran seperti biasa sepanjang tempoh moratorium ini?

- Anda boleh membuat meneruskan pembayaran menerusi Aplikasi TEKUN Pay (mobile apps), perbankan internet, CDM dan saluran pembayaran TEKUN yang lain.



Adakah rekod pembayaran balik saya akan terjejas dengan moratorium ini?

- Tidak, rekod pembayaran balik anda tidak terjejas sepanjang tempoh moratorium ini.

Adakah saya dikenakan sebarang caj tambahan kerana moratorium ini?

- Tiada sebarang caj tambahan dikenakan sepanjang moratorium ini.



Adakah tempoh pembiayaan saya akan sama seperti asal atau dipanjangkan?

- Tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan untuk 6 bulan. Sebagai contoh, pembiayaan anda akan tamat pada 31 Mac 2022 dan disebabkan moratorium bayaran balik selama 6 bulan ini, tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan sehingga 30 September 2022.

Apakah yang perlu saya buat selepas berakhirnya tempoh 6 bulan moratorium tersebut?

- Setelah tamat tempoh moratorium tersebut, pembayaran balik pembiayaan perlu dibuat seperti biasa (mulai Jun 2022).

Saya tidak layak untuk moratorium ini kerana tempoh pembiayaan telah tamat, apakah bantuan lain yang boleh diberikan oleh TEKUN?

- Sekiranya pembiayaan anda telah tamat tempoh, anda dinasihatkan untuk membayar tunggakan tersebut atau membuat penjadualan semula pembiayaan di Pejabat TEKUN Cawangan.

Bilakah tarikh akhir permohonan moratorium ini?

- Permohonan boleh dibuat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh berlakunya bencana dengan menghubungi Pejabat Cawangan.

Bolehkan saya mengeluarkan simpanan pembiayaan saya di TEKUN?

- Jika anda mempunyai simpanan pembiayaan TEKUN yang berstatus selesai bayar / tutup tamat, anda boleh mengeluarkan sebanyak 50% simpanan tertakluk kepada baki terkini akaun pembiayaan terdahulu.

Bagaimakah cara untuk memohon pengeluaran 50% simpanan ini?

- Anda boleh menghubungi Pejabat Cawangan dan melengkapkan Borang Pengeluaran Sebahagian Simpanan (TEKUN/JIP/03).